



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

JABATAN PENGANGKUTAN JALAN

PENAWARAN NOMBOR PENDAFTARAN ISTIMEWA (NPI) SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI JPJ KE-80

GEORGE TOWN, PULAU PINANG – Bersempena **Sambutan Ulang Tahun yang Ke-80** penubuhan **Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ)**, **Kementerian Pengangkutan** melalui **JPJ** akan menawarkan **Nombor Pendaftaran Istimewa (NPI)** siri eksklusif “**P__P**” sebagai simbolik memperingati **lapan dekad** peranan dan sumbangan jabatan dalam pembangunan **sistem pengangkutan negara**.

Pengenalan siri khas ini mencerminkan **identiti, legasi** serta **evolusi JPJ** sebagai agensi peneraju dalam **pengurusan dan penguatkuasaan pengangkutan jalan raya** di Malaysia.

NPI siri “**P__P**” akan ditawarkan kepada orang awam melalui **kaedah bidaan** dalam talian menerusi **Sistem JPJeBid**. Pendekatan ini memastikan proses yang **telus, teratur dan efisien**, di samping memberi peluang kepada orang ramai untuk memiliki nombor pendaftaran bernilai tinggi berdasarkan kategori harga yang telah ditetapkan

Nombor Pendaftaran Istimewa (NPI) siri **P__P** akan mula dibuka untuk bidaan kepada orang awam pada:

Tarikh buka : **20 April 2026 (Isnin)**

Tarikh tutup : **24 April 2026 (Jumaat – jam 10.00 malam)**

Tarikh Keputusan : **25 April 2026 (Sabtu) dalam tempoh 24 jam**

Harga bidaan dalam JPJeBid adalah mengikut harga yang telah ditetapkan seperti ketetapan berikut:

KATEGORI	HARGA MINIMA
Nombor Bernilai Utama (<i>Golden</i>)	RM 20,000.00
Nombor Premium	RM 5,000.00
Nombor Menarik (<i>Attractive</i>)	RM 2,500.00
Nombor Popular	RM 500.00
Nombor Biasa (<i>Running</i>)	RM 300.00

Kaedah penawaran secara bidaan ini adalah tertakluk kepada **Terma dan Syarat** yang telah ditetapkan melalui **Sistem JPJ JeBid**. Mana-mana nombor pendaftaran yang berjaya dibida mestilah **didaftarkan** pada sebuah kenderaan dalam tempoh **dua belas (12) bulan** dari tarikh surat keputusan bidaan rasmi dikeluarkan.

Orang awam dialu-alukan untuk menyertai bidaan Nombor Pendaftaran Istimewa (NPI) **P__P** sempena **Sambutan Hari Ulang Tahun JPJ Ke-80**.

**KETUA PENGARAH PENGANGKUTAN JALAN
MALAYSIA**

17 APRIL 2026

-TAMAT-